

Title	Laporan Inovasi – Sistem Maklumat Skim Pengairan “SISKIM”
Type of Reference	Quality
Category	Innovation
Author	Bahagian Pengairan dan Saliran, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan
Reference No.	Q-I-022
Date of Publication	2-1-2002
Keywords	Innovation, Inovasi
Source	Bahagian Pengairan dan Saliran, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI KELANTAN**

LAPORAN INOVASI 2001

**SISTEM MAKLUMAT SKIM PENGAIRAN
“SISKIM”**

OLEH

**BAHAGIAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI KELANTAN**

SISTEM MAKLUMAT SKIM PENGAIRAN “SISKIM”

BAHAGIAN PENGAIRAN DAN SALIRAN JPS NEGERI KELANTAN.

1. KETERANGAN TENTANG ORGANISASI DI MANA SESUATU PROGRAM DILAKSANAKAN

1.1 Kementerian Pertanian

Bahagian Pengairan dan Saliran
Jabatan Pengairan dan Saliran
Negeri Kelantan.

1.2 Objektif Jabatan

Meningkatkan produktiviti dan kualiti, memberi kepuasan kepada golongan
sasar dan mengurangkan masalah jabatan.

1.3 Saiz Organisasi - 13 orang

2. KEADAAN SEBELUM PROGRAM PERUBAHAN DILAKSANAKAN

2.1 Di bawah kelolaan JPS Kelantan terdapat 93 skim pengairan utama dan 107 skim pengairan bantuan. Skim utama adalah kawasan di mana kemudahan infrastruktur asas telah disediakan dan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan dilakukan oleh pihak JPS sepenuhnya. Manakala skim bantuan pula ialah kawasan di mana infrastruktur pengairan dibina di peringkat asas sahaja dan operasinya dikendalikan oleh petani sendiri.

2.2 Bahagian Pengairan dan Saliran mengumpul data skim-skim pengairan daripada pejabat JPS Jajahan. Oleh kerana bilangan skim pengairan yang banyak ini, maka banyak maklumat yang perlu disimpan dan dipantau. Masalah yang timbul ialah maklumat berkenaan disimpan dalam fail-fail ‘spreadsheet’ yang berasingan di dalam komputer.

2.3 Apabila maklumat diperlukan dengan segera, didapati sukar untuk mengesan fail-fail ‘spreadsheet’ yang berkenaan. Apabila pihak jabatan perlu memberi taklimat atau penerangan mengenai skim pengairan dan saliran, maka akan kelam kabutlah pegawai yang menguruskan maklumat ini. Beliau perlu memastikan data adalah selaras dan kemaskini.

3. MASALAH YANG DIHADAPI

- 3.1 Data-data yang diperolehi daripada JPS Jajahan direkodkan ke dalam komputer oleh pegawai yang menjaga. Biasanya pegawai menggunakan perisian 'spreadsheet' bagi tujuan merekod data. Maklumat direkodkan ke dalam fail-fail berasingan mengikut jenis data dan penggunaannya. Terdapat 6 jenis fail yang mengandungi pelbagai data. Data ini perlu dikemaskini setahun sekali atau mengikut musim. Ada juga yang perlu dikemaskini setiap bulan.
- 3.2 Masalah yang timbul ialah apabila data diperlukan, pegawai terpaksa membuka kesemua fail untuk mencari maklumat yang dikehendaki. Ianya mengambil masa yang lama. Lebih rumit lagi kerana susunan nama skim di dalam fail-fail tersebut tidak sama. Keadaan lebih rumit apabila pegawai berkenaan tidak ada, maka pegawai lain akan terpaksa membuka kesemua fail untuk meneliti kandungan data yang ada di dalamnya.
- 3.3 Apabila data diperolehi dari fail-fail berlainan, seringkali terjadi data tidak selaras. Umpamanya luas skim di dalam 1 fail tidak sama dengan luas skim yang sama di fail lain. Ini mungkin disebabkan 'typing error' yang kadangkala sukar dikesan.
- 3.4 Ada kalanya data tidak dikemaskini. Ini akan menimbulkan percanggahan data di Bahagian dan di Jajahan. Sebagai contoh catatan skim yang terbiar juga sering bercanggah. Setengah data yang diperlukan juga tidak disimpan di Bahagian ini.

4. KETERANGAN TENTANG PROGRAM PERUBAHAN YANG DILAKSANAKAN

- 4.1 Di bawah Sistem Maklumat Skim Pengairan ini, sistem maklumat yang menggunakan fail-fail 'spreadsheet' berasingan telah digabungkan di bawah satu sistem pengkalan data dengan menggunakan perisian Microsoft Access. Sistem ini telah diberi nama singkatan 'SISKIM' untuk memudahkan rujukan dan sebutan.
- 4.2 Maklumat dikategorikan samada mengikut Jajahan, jenis skim iaitu skim pam atau skim graviti, infrastruktur yang diberikan, musim penanaman, hasil musim luar atau musim utama dan lain-lain. Pengguna boleh meminta maklumat mengikut keperluannya dan cetakan laporan mengikut permintaan. Bagi memudahkan penggunaannya jenis data dipaparkan di muka hadapan.
- 4.3 Maklumat SISKIM boleh didapati melalui laman web jabatan. Ianya boleh dirujuk oleh semua pihak. Data yang perlu dikemaskini akan dikemaskini

oleh Bahagian Pengairan dan Saliran apabila maklumat diterima dari pihak JPS Jajahan. Dengan cara ini tiada lagi percanggahan data berlaku kerana semua pihak akan merujuk kepada pengkalan data yang sama.

- 4.4 Format untuk preview telah diedarkan kepada pegawai terlibat sebagai panduan. Pengguna boleh mengendalikan dengan mudah mengikut panduan yang disediakan di paparan utama.
- 4.5 Perubahan sistem maklumat ini boleh dikategorikan dalam bidang sistem dan prosedur. Melalui sistem baru ini, iaitu SISKIM sesiapa sahaja boleh memperolehi maklumat dengan cepat dan mudah. Pegawai tidak perlu lagi membuka fail-fail spreadsheet yang banyak. Begitu juga jika pegawai perlu memberi taklimat atau penerangan, maklumat boleh diperolehi dengan mudah walaupun pegawai penjaga tiada.
- 4.6 SISKIM telah dibangunkan oleh kakitangan Bahagian Pengairan dan Saliran sendiri dengan bantuan dari Unit IT jabatan. Ianya tidak melibatkan kos tambahan cuma ketekunan dan kesabaran kakitangan untuk mencuba sehingga berjaya.
- 4.7 Program SISKIM ini telah dimulakan pada bulan Januari tahun ini dan disiapkan pada bulan Mei. Namun begitu usaha penambahbaikan terhadap SISKIM ini masih berterusan.

5. HASIL DAN FAEDAH

5.1 Pengurangan Kos Operasi

- 5.1.1 Dengan penggunaan SISKIM, pegawai terlibat dapat menjimatkan masa penyediaan dan pemantauan maklumat mengenai skim pengairan di samping dapat menjalankan tugas-tugas lain dengan berkesan. Secara tidak langsung dapat menjimatkan kos operasi.

5.2 Penjimatan Masa

- 5.2.1 Dengan SISKIM masa untuk merekod dan mencari maklumat dapat dipercepatkan. Sebelum ada SISKIM pegawai mengambil masa **sehari** untuk mencari data dalam fail-fail yang berasingan. Dengan SISKIM pegawai cuma memerlukan **beberapa minit** sahaja untuk mendapatkan maklumat yang formatnya telah tersedia. Bagi maklumat yang formatnya tidak disediakan, akan memerlukan masa yang lebih lama.

5.3 Peningkatan Hasil Kerja

- 5.3.1 Masalah kelambatan mendapatkan data tidak lagi timbul. Masalah data tidak selaras dan data bercanggah juga telah di atasi.

5.4 Peningkatan Dalam Tahap Kepuasan Hati Pelanggan

- 5.4.1 Pihak pengurusan atasan boleh mendapatkan maklumat dengan mudah apabila diperlukan dengan mengakses SISKIM. Begitu juga dengan pihak-pihak lain yang memerlukan data. Apabila maklumat dapat diperolehi dengan mudah dan cepat, semua pihak berpuashati.

6. FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN UTAMA

- 6.1 Pekerja yang komited terhadap tugas dan tekun berusaha mencari jalan penyelesaian untuk penambahbaikan sistem kerja yang ada.
- 6.2 Penghargaan dan perhatian dari pihak pengurusan ke atas setiap penambahbaikan yang dilaksanakan oleh kakitangan tanpa mengira besar atau kecil nilai penambahbaikan yang telah dilaksanakan.
- 6.3 Usaha-usaha pihak pengurusan dalam mengambil langkah-langkah yang lebih objektif dan berterusan untuk memastikan semua projek inovasi digunapakai dalam proses kerja yang berkaitan. menjadi pendorong kepada kreativiti pekerja.

7. PEMBELAJARAN YANG DIPEROLEHI

- 7.1 Masalah dapat di atasi sekiranya ada kerjasama kakitangan dan tidak putus asa untuk terus mencuba.
- 7.3 Melihat masalah sebagai satu cabaran dan menikmati manisnya kejayaan setelah ianya berjaya di atasi.

Bahagian Pengairan dan Saliran
JPS Negeri Kelantan.

Jun 2001.

Microsoft Access - [MENU_UTAMA : Form]

File Edit View Insert Format Records Tools Window Help

SISKIM versi 1.0

- PANGKALAN DATA SKIM JPS KELANTAN - <http://spslink.mqa.mn/skd/skkelantan/baps/index2.htm>

Jajahan

Semua Jajahan

Record: 1 of 1

Form View

MENU UTAMA

Microsoft Access - [menu_kb : Form]

File Edit View Insert Format Records Tools Window Help

SISKIM 2001

Skim Pengairan JPS Kelantan bagi Jajahan Kota Bharu

<http://spslink.mqa.mn/skd/skkelantan/baps>

Alamat Jabatan Pengairan dan Saliran, Negeri Kelantan.
No Talian: 609-7482148

Record: 1 of 1

Form View

MENU MENGIKUT JAJAHAN

Microsoft Access - [F_rekodKB : Form]

File Edit View Insert Format Records Tools Window Help

Skim Pengairan JPS Kelantan bagi Jajahan Kota Bharu [New Window](#) [Keluar](#) [Baki Menu](#)

<http://azrolnk.mcam.com/555/skkelantan/bps>

Jajahan: **Kota Bharu** No skim: **2** Nama Skim: **Jelutong Kok Lanas** Keluasan Berair: **70** hektar

HASIL LUAR MUSIM TAHUN 1993 HINGGA TAHUN 1999

Tahun 93: **0** Tahun 94: **2** Tahun 95: **0**
 Tahun 96: **0** Tahun 97: **3.3**
 Tahun 98: **4** Tahun 99: **3**

Luar Musim **Papar Laporan** **Cetak Laporan** **Cetak Carta/Graf** **Papar Carta/Graf**

Semua Musim

Papar Laporan **Jenis Pam** **Jenis Gravel**

Cetak Laporan

Sila klik Medan Skim untuk
 cari Skim, Jaminan
 Klik butang Carian

Cari Skim

Record: **1** of **4**

Form View

PAPARAN KEMASKINI DATA

Microsoft Access - [QHasi_SemuaMusimKB]

File Edit View Tools Window Help

75% Close

Hasil Semua Musim Tahun 1992 hingga 1999

Def	Jenis	Def Jenis No	Hasil Musim 1992	Hasil Musim 1993	Hasil Musim 1994	Hasil Musim 1995	Hasil Musim 1996	Hasil Musim 1997	Hasil Musim 1998	Hasil Musim 1999	Hasil Musim 2000	Hasil Musim 2001	Hasil Musim 2002	Hasil Musim 2003	Hasil Musim 2004	Hasil Musim 2005	Hasil Musim 2006	Hasil Musim 2007	Hasil Musim 2008	Hasil Musim 2009
2	Jelutong	70	0	0	0	0	0	0	2	3.4	3.3	3.2	3	3.25	0					
3	Inti Seta	35	0	0	0	0	0	0	0	4.2	3.2	3.4	3.5	0	0					
4	Sekar	25	0	0	0	0	0	0	0	4.3	0	2.9	0	0	0					
5	Inti Kuala	20	0	0	0	0	0	0	0	4.3	0	3.4	0	2.7	0					

Wednesday, September 23, 2009

Page: **1** of **1**

Ready

LAPURAN CETAK